

# EMPAT TUGAS UTAMA UMNO

## Ubah sikap orang Melayu sesuai kehendak Islam

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Presiden UMNO, hari ini menggariskan empat tugas utama yang harus diperjuangkan oleh parti bagi mencapai matlamat dan moral bangsa Melayu.

Tugas yang dianggarkannya sebagai cabaran itu, termasuklah mengubah sikap orang Melayu sesuai dengan kehendak agama Islam, meningkatkan lagi amalan Islam, memastikan orang Melayu benar-benar mengamalkan Islam, dan

memupuk persefahaman tulen di kalangan orang-orang Melayu.

Katanya, walaupun sudah 26 tahun UMNO berjuang, tetapi perjuangan kali ini lebih besar kerana bukan sahaja menjamin masa depan Malaysia yang gemilang, tetapi juga menjadikan Malaysia sebuah negara yang bermaruah dan disegani oleh masyarakat antarabangsa.

Perdana Menteri menekankan pentingnya kefahaman Islam diperingat dan diterapkan ke jiwa masyarakat kerana kesan kebangkitan semula Islam, tidak boleh diketepikan dalam perhubungan politik dan ekonomi dunia.

Dalam bungkusan ini, Datuk Seri Dr. Mahathir menggariskan, penubuhan Bank Islam, Universiti Islam Antarabangsa dan memperkenankan mata pelajaran Islam dalam kurikulum di semua jenis tempat, termasuk UMNO sebagai parti Islam dan

turut belakng kerajaan menjalinkan tanggungjawabnya terhadap Islam.

Perdana Menteri membina orang-orang Melayu yang baya pandai bercakap tentang Islam, tetapi tidak mempraktikkannya. "Mereka bercakap tentang ketahanan orang Islam, tetapi tidak berusaha ke arahnya," ujarnya.

Berucap di Perhimpunan Agung UMNO ke-33 hari ini, Presiden UMNO itu selanjutnya menegaskan, perlunya orang-orang Melayu mengubah sikap, sejajar dengan kehendak Islam.

Dalam erti kata yang lain, orang-orang Melayu mestilah melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan seperti sabda Nabi S.A.W yang menyuruh umatnya menuntut ilmu walaupun hingga ke negeri China.

Katanya lagi, walaupun negara mempunyai dasar memandag ke Timur, tetapi apa yang diutamakan dan yang dijunjung tinggi "masih juga agama kita — agama Islam."


"Yang akan kita serapkan ialah nilai-nilai dan cara yang tidak bertentangan dengan agama, bahkan kebanyakannya dipandang tinggi dan dituntut oleh agama Islam," legannya.

Selama ini, ajaran Islam tidak dipraktikkan sepenuhnya tetapi sekadar amalan di mulut sahaja.

"Sebenarnya, jika kita benar-benar menurut ajaran Islam dengan keraifan, menuntut ilmu, mencari nafkah, keberhlian, ketahanan, dan lain-lain nilai yang baik, kita tidak perlu pandang ke mana-mana lagi," katanya.

Perdana Menteri seterusnya menegaskan betapa perlunya UMNO menarik balik perhatian orang Melayu yang juga orang Islam, kepada hal-hal masalah yang sebenar dan mengikut kehendak agama dalam mengatasi masalah.

"Sekarang ini kita menghadapi perjuangan yang terbesar sekali — perjuangan untuk mengubah sikap orang Melayu supaya sesuai dengan kehendak ajaran Islam di zaman moden," katanya.



**PRESIDEN UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (tengah), teracayam ketika memasuki Dewan Nirwana, Hotel Hilton di Kuala Lumpur, untuk merasmikan Perhimpunan Agung UMNO Malaysia ke-33, semalam.**

Ketibaan PM diambil tepukan gema-rak dan pemerhati, serta lebih 5,000 tetamu khas.

Di belakang beliau ialah Pengerusi Tetap Perhimpunan, Datuk Sulaiman Ninam Shah.

Dalam ucapan dasarnya menyatah berbagai masalah, termasuk dasar luar, pandang ke timur, agama, tuduhan pihak tertentu terhadap kerajaan, Jabatan Perdana Menteri dan

### Senyuman bererti

sebagaimana, berhubung Free-mason.

Bellau menyeru seluruh ahli supaya insaf bahawa perjuangan UMNO m e n g a j i k e m e r d e k a a n, membus maruah dan kehormatan bangsa dan agama, masih belum berakhir.

"Sekarang, kita menghadapi perjuangan yang terbesar sekali — perjuangan untuk mengubah sikap orang Melayu supaya sesuai dengan kehendak agama Islam di zaman moden ini," tegas Perdana Menteri. — Gambar Berita Harian.

No. Siri ..... 6695  
No. Penerimaan ..... 1612/86